

Mutiara Kata

Pengurusan dan Kepemimpinan Organisasi

Penyunting

Ibrahim Ahmad Bajunid, Dr.

Ishak Sin

Mustaffa Kamal Osman

Zawawi Jahya

Amer Hamzah Jantan

Balasandran A. Ramiah

Pilihan Mutiara Kata dalam buku kecil ini dipetik daripada draf koleksi '300 Mutiara Kata Dalam Pengurusan dan Kepemimpinan Organisasi' yang diusahakan oleh En. Ishak Sin et.al dan koleksi Mutiara Kata di Asrama IAB yang diusahakan oleh En. Mustaffa Kamal Osman.

PRAKATA MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

Syukur ke hadirat Allah S.W.T kerana penerbitan buku “Mutiara Kata Pengurusan dan Kepemimpinan Organisasi” dapat dilaksanakan mengikut jadual. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Jawatankuasa ini yang telah berusaha bersungguh-sungguh bagi memastikan buku ini diterbitkan bagi kegunaan para pengurus dan pemimpin pendidikan.

Para pengurus pendidikan hari ini amat dahagakan ilmu dan amalan-amalan pengurusan yang berkesan yang boleh mereka pelajari dan contohi. Pelbagai teori dan konsep ilmu pengurusan telah digarap oleh para pengurus dan pemimpin pendidikan bagi meningkatkan kefahaman dan kemahiran mereka. Sesungguhnya ilmu yang mereka perolehi itu telah sedikit sebanyak dapat membawa perubahan dalam sistem pendidikan negara masa kini.

Buku ‘Mutiara Kata Pengurusan dan Kepemimpinan Organisasi’ merupakan suatu sumbangan kecil ke arah memantapkan tahap pengurusan institusi-institusi pendidikan. Cetusan idea para pemikir terdahulu yang melahirkan ungkapan-ungkapan bernas ini sangat sesuai diteliti untuk dipraktikkan. Adalah diyakini ungkapan yang dilahirkan oleh pemikir itu mempunyai hubungkaitnya dengan permasalahan kehidupan masa itu yang akhirnya telah membuahkan sesuatu yang positif.

Seharusnya para pengurus pendidikan dapat memanfaatkan mutiara-mutiara kata tersebut sebagai panduan dalam amalan pengurusan harian mereka. Sesuai dengan budaya timur yang halus dan tajam, mutiara kata yang dipaparkan dalam buku ini diharapkan dapat memberi ilham kepada para pengurus pendidikan melakukan sesuatu yang inovatif, kreatif dan bitara bagi memajukan institusi yang mereka terajui.



DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK
Menteri Pendidikan Malaysia

PRAKATA KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA

Pendokumentasian mutiara kata pengurusan dan kepimpinan organisasi ini merupakan antara aktiviti intelektual yang komprehensif. Sesungguhnya keupayaan mencari dan mencungkil mutiara-mutiara kata yang terlahir dan tercetus daripada idea dan pemikiran kalangan yang terlibat dalam pengurusan dan kepimpinan merupakan manifestasi celik akal yang terbina daripada pengalaman teoritis yang teradun secara sistematis di dalam pengalaman amalan mereka.

Setiap petikan dan frasa yang dipilih membayangkan kejituan dan kemandapan ilmu dan ketrampilan sehingga membolehkan idea-idea yang melambangkan kebijaksanaan itu dijadikan satu kerangka pemikiran yang menyeluruh. Oleh yang demikian, seuntai mutiara kata itu menjadi simbol keperibadian lahir dan batin sipengucapnya. Secara tidak langsung juga ini merupakan satu pengenalan diri dan penghayatan daripada amalan amalan individu. Ia juga merupakan amalan-amalan yang dilaksanakan sebagai penjelmaan daripada penghayatan terhadap kefahaman tentang makna pengurusan dan kepimpinan organisasi.

Usaha pembukuan ini diharapkan akan berterusan kerana perubahan-perubahan yang pesat berlaku memungkinkan lahirnya pelbagai idea dan pengalaman baru yang diperoleh daripada rantaian pengalaman kehidupan harian serta hubungan peribadi yang terjalin sesama rakan sejawat dari pelbagai sektor kehidupan.

Adalah menjadi harapan supaya mutiara kata ini akan menjadi rujukan dan sumber inspirasi ke arah pembinaan dan pembentukan peribadi mulia yang boleh dijadikan model teladan yang unggul dalam pengurusan dan kepimpinan organisasi.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada pihak IAB atas usaha murni ini.



DATO' DR. ABDUL SHUKOR ABDULLAH
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

PRAKATA PENGARAH INSTITUT AMINUDDIN BAKI

Mutiara Kata boleh mengilhamkan. Jika Mutiara Kata ditemui secara rawak, maka bibit-bibit ilham terus rawak. Sekiranya ada usaha yang bersungguh-sungguh untuk menghimpun Mutiara Kata secara sistematis barulah ada fokus. Usaha sedemikian memastikan ada kaitan yang intim antara dunia teoritis atau dunia metafora dengan dunia realiti yang saling mengukuhkan.

Koleksi ini merupakan satu usaha berkerangka memfokus kepada Mutiara Kata yang berkaitan dengan pengurusan dan kepimpinan.

Usaha untuk merilisasikan himpunan Mutiara kata secara berfokus merupakan satu langkah mencabar yang menyeronokkan. Setiap pemimpin mempunyai ceritanya yang tersendiri. Mutiara Kata merupakan inipati skip sahih cerita tentang pelbagai episod dan babak-babak dalam perjalanan hidup seseorang pemimpin. Juga melalui rumus minda penghasil Mutiara Kata dapat memberi tunjuk ajar secara tidak langsung (vicarious). Diharap koleksi ini akan mencuit minda dalam dan memberi manfaat para pembaca. Daripada koleksi ini pembaca berpeluang berhubung dan berinteraksi dengan tokoh-tokoh agung daripada pelbagai zaman dan budaya dan boleh mencari teman jiwa dan teman intelek.

Sebagai pusat kecemerlangan dalam bidang kepimpinan dan pengurusan pendidikan, sewajarnya Institut Aminuddin Baki memainkan peranan untuk menghimpun segala khazanah Mutiara Kata yang berkaitan dengan kepimpinan dan pengurusan.

Dalam perjalanan hidup seseorang itu merempuh berbagai pengalaman. Bagi orang yang reflektif, ia akan mengolahkan pengalaman itu dalam perbualan intra perseorangan atau perbualan antara perorangan. Olahan ini akan merupakan olahan begitu sekira tidak didokumentasikan. Dalam tradisi lisan, terdapat juga budaya tinggi dan halus di samping budaya rendah dan kasar. Lazimnya budaya tinggi dan halus merupakan warisan kebijaksanaan (*Received Wisdom*) sesuatu bangsa. Aspek-aspek Warisan Kebijaksanaan ini terkandung dalam legenda, mitos, peribahasa, metafora dan lain-lain *genre* transmisi budaya. Tamadun moden terus dimajukan berdasarkan budaya inkuiri empiris (*inquiry empirical*) berteraskan sains dan teknologi. Namun demikian, semua kontemporari mempunyai paksi asas-asas keagamaan, politik, ekonomi dan modal sosial dan intelektual secara terhimpun. Khazanah kesemua warisan ini terdapat dalam pusat sumber, dalam organisasi khazanah yang lain dalam masyarakat dinamik dan di dalam pemikiran dan interaksi manusia.

Manusia dapat merealisasikan kekhalfahannya apabila menyandarkan kehidupannya dan Perbualan Agung dirinya kepada Kerangka Rujukan Mutlak dan Kerangka Rujukan Relatif. Kerangka Rujukan Mutlak adalah Al-Quran dan Hadis dan segala kitab suci. Kerangka Rujukan Relatifnya adalah daparan, temuan dan rumus hasil penyelidikan. Daripada kedua jenis Kerangka Rujukan terdapat segala khazanah ilmu. Daripada tabung ilmu inilah, seseorang *elicit* khazanah ilmu peribadinya. Ilmu peribadi individu dibina apabila ia mengikuti pendidikan formal dan nonformal, dan ia juga membina ilmu peribadinya melalui pendidikan informal dan incidental. Salah satu himpunan ilmu peribadinya ialah apabila ia menghafal dan mengguna sebagai paduan petikan ayat, kata-kata, metafora dan mutiara kata. Sepanjang hidupnya ia akan menghimpun secara rawak atau sistematis rangkaian kata-kata ini.

Untuk memahami secara lebih mendalam lagi sesuatu mesej ini terakluk kepada kepelbagaian dan kedalaman fahamannya mengenai fenomena tertentu. Seseorang individu itu mungkin berupaya mengolah dan mengartikulate pengalamannya atau mungkin tidak berupaya berbuat demikian, bagaimanapun lain orang, lain zaman atau lain budaya mungkin dapat mengolah apa yang difikir dan dirasainya dan memberi penyulutan dan celik akal kepada pengalaman hidupnya.

Laizimnya seseorang ahli falsafah atau pemikir dan penulis yang terbaek dapat mempermudah pengalaman yang kompleks. Apabila ini berlangsung, maka dalam satu ungkapan ayat dapat dirumuskan makna yang mendalam. Contohnya

The proper study of mankind is man.

(Untuk memahami umat manusia, kita perlu fahami manusia sebagai individu)
Kenali dirimu dan akan engkau kenali lah Tuhanmu

Do the right thing

Do thing right

(Buat sesuatu yang betul)

(Buat sesuatu dengan betul)

Some are born great

Some achieve greatness

Some have greatness trust upon them

Mutiara Kata menjadi menarik dan mengilhamkan kerana daripada ungkapan-ungkapan berkenaan berlangsung resonans rasa minda dan fikir jiwa yang mengintinkan bisikan kalbu ternan jiwa dan ternan intelek serta bimbingan dan panduan Mahaguru dalam pelbagai bidang dan ragam hidup.

Selamat mengembara dan membina Modal Intelek dan Kerangka Sandaran.

Selamat berbicara dalam Perbualan Agung.



Dr. IBRAHIM AHMAD BAUNID

Pengarah

Institut Aminuddin Baki

“A Little Thing That Makes A Big Difference”

-Anonymous

“Sekolahku Rumahku”

-Anonymous

“The winner sees the solution in every problem but the loser sees the problem in every solution.”

-Pepatah Inggeris

“Look within. Within is the fountain of good, and it will ever bubble up, if thou wilt ever dig.”

-An ancient saying

“Di dunia ini pemberian kita membuat kita kaya, bukan yang kita terima.”

-Henry Ward Beecher

“Buktikan kejujuran anda melalui tindakan.”

-Tun Hussein Onn

“We make men, before we make products”

-Konosune Matsushita

“Take out my building, take out my machine and all my capital, but leave my men with me, I will become Henry Ford again.”

- Henry Ford

“Disiplin diri adalah pengetahuan tentang diri sendiri dan tingka laku yang diperlukan untuk perkembangan seseorang individu itu sebagai manusia berguna.”

- Carl Rogers

“Dunia adalah tanaman untuk akhirat.”

- Maksud hadis

“To live is to have problems and to solve problems is to grow intellectually.”

- J.P. Guilford

“Imiginasi adalah lebih penting daripada pengetahuan.”

- Albert Einstein

“Management Is Like Pieces Of Cake, The Final Product Speaks For The Process.”

- Onass

“How you run an organization is not important but how the organization runs with you is more important.”

-Onass

“If a man is called to be a streetsweeper he should sweep streets even as Michelangelo painted, or Beethoven composed music, or Shakespeare wrote poetry. He should sweep streets so well that all the hosts of heaven and earth will pause to say, here lived a great streetsweeper who did his job well.”

-Martin Luther King, Jr.

“Luck is what happens when preparation meets opportunity.”

-Elmer Letterman

“Tiada iman bagi orang yang tidak beramanah dan tiada agama bagi orang yang tidak menunaikan janjinya.”

-Maksud hadis

“Today a reader, tomorrow a leader.”

-Peter Buruwash

“The best teachers give students an understanding and time to enjoy it.”

-Peter Buruwash

“Perkara yang paling penting tidak harus diletak di bawah perkara yang paling tidak penting.”

~ Goethe

“Apa yang berada di belakang kita dan apa yang berada di depan kita adalah perkara kecil berbanding dengan apa yang berada di dalam kita.”

~ Oliver Wendell Holmes

“Be nice to people on your way up because you’ll meet them on your way down.”

~ Wilson Mizner

“Action is the antidote to despair.”

~ Joan Baez

“Lebih gigih anda berusaha, lebih bernasib baiklah diri anda.”

~ Gary Player

“Kalau tidak dipecah ruyung, manakan dapat sagunya.”

~ Bidalan

“Setiap hari merupakan kehidupan baru bagi orang bijaksana.”

~ Dale Carnegie, 1991

“In confrontation between the stream and the rock, the stream always wins, not through strength but perseverance.”

-H. Jackson Brown

“Untuk membolehkan insan gembira dalam kerjanya, tiga perkara diperlukan. Mereka mesti sesuai untuknya, mereka mesti tidak melakukannya terlalu banyak dan mereka mesti ada rasa kejayaan di dalamnya.”

-John Ruskin

“Perbezaan antara orang yang berjaya dengan orang yang gagal terletak pada rohaninya. Apa yang difikir menentukan apa yang dicapai.”

-Hamka

“Rebutlah lima masa sebelum tiba lima masa;
masa mudamu sebelum tua,
masa sihatmu sebelum sakit,
masa kayamu sebelum miskin,
masa lapangmu sebelum sibuk,
masa hidupmu sebelum mati.”

-Maksud hadis

“Buatlah apa yang baik mengikut kemampuan, dengan cara yang terbuka, di setiap tempat yang ada dalam pengetahuan, dalam setiap waktu yang tersedia bagimu, kepada semua orang yang ada dalam jangkauanmu pada sepanjang masa hidupmu.”

-John Wesley

“Manusia mempunyai tugas dalam hidup mereka yaitu tugas terhadap dirinya, terhadap ahli keluarganya, terhadap masyarakat, terhadap negara dan terhadap segenap perikemanusiaannya.”

-Usman El Muhammadiyah

“Memang benar kejayaan lebih mudah daripada kegagalan. Untuk berhasil dalam kerjaya, mendapatkan kekayaan dan mencapai segala yang anda inginkan dalam hidup serta mencapai kebahagiaan, tujuh kali lebih mudah daripada menempuh hidup yang tidak jelas arah tujuannya.”

-Ralph W.O. Ferrel

“Manusia sering melakukan kesilapan. Tetapi jika kita berhati-hati ketika melakukan sesuatu kerja maka ia akan mengurangkan kesilapan yang kita lakukan.”

-Pepatah Cina

“Hanya 4% pelanggan yang kurang berpuas hati membuat aduan atau rungutan.

Setiap pelanggan yang tidak puas hati akan menyampaikan kepada 10 orang lain tentang perkhidmatan buruk yang diterimanya.

Kos memenangi hati seseorang pelanggan lima kali lebih tinggi daripada kos mengekalkan pelanggan yang sedia ada.

Syarikat yang mempunyai khidmat pelanggan yang memuaskan mampu menaikkan harga barangan sebanyak 9% lebih tinggi.

Firma yang mempunyai khidmat pelanggan yang lebih berjaya memperbaiki penguasaan pasaran sebanyak 6% setiap tahun.

Para pelanggan yang membuat aduan kira-kira 95% boleh dimenangi kembali keyakinan mereka jika masalah yang dihadapi diatasi dengan segera dan memuaskan.”

~Victor S.L. Tan

“Kebiasaan yang paling merugikan adalah kebiasaan menisiatkan hidup dengan hal-hal yang tidak berharga dan menolak hal-hal yang berharga.”

~Dr. Orison Sweet Warden

“Percaya pada diri sendiri adalah rahsia pertama kejayaan.”

~Ralph Waldo Emerson

“Bacalah Al-Quran, buatlah kajian, dengarlah ilmu atau berzikir. Jangan habiskan masa saudara pada perkara yang tidak memberi faedah.”

-Hassan al Banna

“Kejayaan adalah pengembaraan bukan satu destinasi.”

-Ben Sweetland

“Jangan engkau terlampau keras
Nanti engkau dipatahkan
Jangan engkau terlampau lembut
Nanti engkau diramaskan
Bertindaklah sederhana.”

-Pepatah Arab

“Rasa takut adalah naluri, rasa berani adalah kemenangan. Kemahuan membungkam rasa takut dan menyembunyikannya di bawah rasa berani.”

-Julius Caesar

“The greatest pain in human life is the pain of a new idea.”

-F.G. Schumacher

“Untuk mendapatkan hasil jangka pendek tanamlah sayur-sayuran. Untuk mendapatkan hasil dalam masa puluh tahun tanamlah pokok buah-buahan. Untuk mendapatkan hasil selama-lamanya didiklah manusia.”

~Pepatah Cina

“Jangan berasa malu jika anda tidak dikenali orang tetapi malulah jika anda tidak kenal orang lain.”

~*Sir William Hamilton*

“Insan yang tidak takut itu berjaya dalam apa saja yang dilakukan.”

~*Napoleon Hill*

“Melakukan sesuatu hanya kerana wang bererti menempah kegagalan.”

~*Ken Thuerbach*

“Fikiran hanya tumbuh kalau dipergunakan dan surut kalau dibiarkan menganggur.”

~*Imam Shafie*

“Daya usaha adalah kunci untuk insan mencari kemajuan dan kekayaan dengan syarat ada keinginan dan tujuan yang tidak dapat ditawar-tawar lagi.”

~*Saidina Ali*

“Perbuatan baik dibalas baik —— Biasa
Perbuatan jahat dibalas jahat —— Biasa
Perbuatan jahat dibalas baik —— Luar Biasa
Itu adalah budiman.”



~ Prof Dr. Hamka

“Manusia boleh merubah hidup dengan cara merubah sikap.”

~ William James

“Minda yang agung mempunyai tujuan minda lainnya hanya mempunyai hasrat.”

~ Washington Irving

“Ilmu itu didapati dengan lidah yang gemar bertanya, dan akal yang suka berfikir.”

~ Abdullah bin Abbas

“Ada orang-orang yang menjadi agresif oleh kerana mereka khuatir menjadi penakut.”

~ Cherbuliez Victor

“Kepuasan jiwa kerana mencari pengetahuan itulah kepuasan yang sejati.”

~ Ibnu Rusyd

“Barang siapa menganggap segala-galanya mudah, pasti akan mengalami banyak kesulitan.”

- *Lao-Tse*

“Hidup yang mengabdikan diri kepada ilmu pengetahuan adalah hidup yang paling mulia.”

- *Pythagoras*

“Jika anda ingin mencapai yang tinggi bermulalah dari yang rendah.”

- *Cyrus*

“Jiwa yang kosong adalah jiwa yang terseksa.”

- *Cromwell*

“Rebutlah peluang!

Semua kehidupan adalah penting.

Insan yang pergi paling jauh biasanya adalah yang sanggup bertindak dan berani.”

- *Dale Carnegie*

“Setitik madu menarik lebih banyak lalat berbanding segelen cuka.”

- *Lincoln*

“Orang yang sebenarnya berani ialah mereka yang tidak lekas patah hati tetapi tabah dengan sikap sanggup menghadapi cabaran.”

~Muhammad Ali Jinnah

“Apabila kita lebih positif terhadap diri kita, kita akan menjadi lebih berjaya daripada yang pernah kita impikan.”

~Lila Auell

“Gunakan peluang dan kelapangan untuk menanam budi supaya menjadi simpanan semasa kita memerlukannya.”

~Hukama

“Rancangkan kerja
Kerjakan rancangan”

~Anonymous

“Setiap orang berfikir untuk mengubah masyarakat tetapi tiada siapa berfikir untuk mengubah dirinya.”

~Leo Tolstoy

“Self conquest is the greatest of victories”.

~Plato

“Apabila kita berhenti memikirkan diri kita sebagai orang penting maka kita dengan sendirinya menjadi penting kepada orang lain.”

- T.S. Eliot

“Makruf yang tidak teratur dan berorganisasi itu boleh dikalahkan oleh mungkar yang teratur dan tersusun rapi.”

- Saidina Ali

“Belajarlah sesuatu yang baru setiap hari.
Bukalah minda sepanjang masa.”

- J.R. Weldon

“Jadilah lebih bijaksana daripada orang-orang lain; tetapi jangan memperkatakannya kepada orang lain.”

- Lord Chesterfield

“Ingatlah bahawa kritikan yang tidak benar dan tidak pada tempatnya seringkali merupakan pujian tersembunyi.”

- Carnegie

“Berharap tanpa usaha adalah pekerjaan sia-sia.”

- Michael Faraday

“Seseorang insan yang mempunyai minda dan mengetahui sentiasa boleh mengalakkan sepuluh orang yang tidak mempunyai minda dan tidak tahu mengenainya.”

-George Bernard Shaw

“Buatlah segala yang baik mengikut kemampuan, dengan cara yang terbuka, di setiap tempat yang ada dalam pengetahuan, dalam setiap waktu yang tersedia bagimu, kepada semua orang yang ada dalam jangkauanmu pada sepanjang masa hidupmu.”

-John Wesley

“Jangan lupa bahawa tenaga yang paling kuat di atas bumi ini ialah kasih sayang.”

-Nelson Rockefeller

“Kekayaan yang hilang dikejar dengan kerajinan dan kehematan, kesilatan yang hidup boleh direbut kembali dengan ubat-ubatan, akan tetapi waktu yang hilang, sekali hilang tetap hilang.”

-Mardgen Osigm Sweet,

“Orang yang mudah bersedih hati akan sukar mencapai apa yang dicita-citakan”

-Mabatma Ghandi

Jangan memikirkan masa lampau dan jangan memikirkan masa akan datang, tetapi renggutilah dan lawanlah saat sekarang ini serta ambillah faedahnya.”

~ *Mardgm Osigm Sweet,*

“Doa-doa pada umumnya memohon berkat, kerana Tuhan amat mengetahui segala yang baik untuk kita.”

~ *Socrates*

“Kita menjadi apa yang selalu kita lakukan. Maka kecemerlangan bukanlah satu tindakan, tetapi suatu tabiat.”

~ *Aristotle*

“Kadangkala apabila saya ingat tentang akibat besar yang muncul daripada perkara kecil
..... saya cenderung untuk berfikir.....tiada perkara kecil.”

~ *Bruce Barton*

“Tiada kecemerlangan sejati di dunia ini yang dapat dipisahkan daripada kehidupan yang wajar.”

~ *David Starr Gordon*

“Diplomasi adalah berfikir dua kali sebelum mengatakan apa-apa.”

~ *Fredman Shelby*

“Hanya dalam keadaan-keadaan yang mencabar, anda lebih mengenali diri anda dan mengalami kelelahan diri sendiri.”

-Andrew Gide

“Tidak ada suatu benda yang lebih mahal daripada kemerdekaan dan tidak ada bahagia yang lebih besar daripada menunaikan kewajipan.”

-Sayyidina Ali

“Bertambah kurang seseorang itu berfikir akan bertambah banyak dia bercakap.”

-Montesquieu

“Sejarah hidup orang yang berjaya bukanlah himpunan lembaran yang kosong, malah penuh dengan langkah-langkah yang berani, usaha-usaha yang tidak mengenali kesukaran dan kekecewaan, percubaan-percubaan yang tidak mengenal batas dan buntu, dan keyakinan yang tidak mengenal putus harapan.”

-Yusuf Zaki Yaakob

“Orang yang mempertikaikan pendapat adalah orang yang bijak, tetapi yang mempertikaikan fakta adalah orang tolol.”

-Frank A Gerbut

“Tidak ada erti hidup kalau berputus asa dan tidak ada alasan berputus asa kalau masih hidup.”

~Mustafa Kamal

“Nothing great was ever achieved without enthusiasm.” (tanpa rasa gembira dan minat yang mendalam kita tidak akan mencapai sebarang kejayaan besar).

~Ralph Waldo Emerson.

“Nasihat ini haruslah dilakukan secara empat mata, tanpa diketahui sesiapapun. Menasihati kawan di hadapan orang ramai adalah cela dan memberi malu, sedangkan menasihati secara rahsia adalah bersikap kasih-sayang dan jujur.”

~Al-Ghazali

“Masa depan bukanlah hak orang yang lemah semangat, tetapi dimiliki oleh orang-orang yang berani.”

~Ronald Reagan

“Kamu tidak akan dapat menolong semua orang dengan hartamu, tetapi berilah mereka kelapangan (kegembiraan) dengan bermuka manis (senyum) dan berakhlak luhur.”

~Maksud Hadis

“Berjaya di rumah dahulu.

Cari dan dapatkan bantuan Tuhan.

Jangan kompromikan kejujuran. Ingat orang yang terlibat.

Dengar kedua-dua pihak sebelum menghakim.

Dapatkan nasihat orang lain.

Pertahankan mereka yang tidak hadir.

Sentiasa jujur tetapi tegas.

Kembangkan satu kecekapan baru setiap tahun.

Rancang kerja esok hari ini.

Berusaha sambil menunggu.

Pelihara sifat positif. Kekalkan pandangan humor.

Aturkan diri sendiri dan kerja anda.

Jangan takutkan kesilapan hanya takutkan

tiada respon yang kreatif, membina dan membetulkan

bagi kesilapan itu.

Beri peluang orang bawahan anda berjaya.

Dengarlah dua kali ganda lebih daripada bercakap.

Tumpukan segala kebolehan dan usaha kepada

tugasan terkini, tanpa risaukan pekerjaan atau

Kenaikan pangkat yang berikutnya.”

~ Frank A Gerbasi

“Jika anda ingin menawan hati seseorang supaya menurut kehendak anda, yakinkan kepadanya dahulu bahawa anda adalah sahabat karibnya.”

-Abraham Lincoln

“Hanya dua hal menyebabkan seseorang itu segan melakukan perbuatan yang tercela, iaitu agama dan harga diri.”

-Rowe Margate

“Dunia adalah pentas komedi kepada mereka yang berfikir dan tragedi kepada sesiapa yang merasai.”

-Horace Walpole

“Rahsia bagi setiap kejayaan ialah bersiap sedia merebut / mengambil kesempatan jika ia muncul.”

-Desraeli

“Manusia yang berakal ialah manusia yang suka menerima dan meminta nasihat.”

-Umar Al-Khattab

“Perbuatan baik menghindarkan perkara-perkara yang buruk, malapetaka dan kecelakaan. Orang yang baik di dunia termasuk dalam kelompok orang yang baik di akhirat.”

~Maksud Hadis

“Tidak ada satu bangsa di dunia ini yang mencapai kemajuan dengan hanya bermodal kata-kata, sebaliknya bangsa yang maju adalah mereka yang gigih berusaha.”

~Tan Sri Mustafa Jabar

“Sayang kepada anak-anak, pimpinlah mereka dengan baik. Sayang kepada orang tua, jagalah mereka dengan baik.”

~Perbahasa Achab

“Setiap barang yang dibelanjakan akan bertambah kurang. Sedangkan air laut ditimba pun akan kurang. Tetapi lautan ilmu, kian ditimba kian penuh airnya.”

~Hukama

“Kesungguhannya syurga itu diperoleh baunya dari perjalanan 500 tahun. Dan baunya itu tidak akan diperoleh oleh orang yang menderhakai ibu bapa dan orang yang memutuskan silaturahmi.”

~Maksud Hadis

“Hai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu menjadi orang yang kuat menegakkan keadilan, menjadi saksi kebenaran kerana Allah, biarpun terhadap dirimu atau ibubapamu dan kerabatmu.”

~Maksud Al-Quran, An-Nisa' Ayat 135

“Orang yang dikasihi oleh Allah S.A.W. ialah orang yang beriman kepadaNya dan orang yang memberi manfaat kepada orang lain. Dan orang yang paling dibenci Allah ialah orang yang mensyirikkanNya dan orang yang menzalimi orang lain.”

~Maksud Hadis

“Kekayaan sebenar yang dimiliki oleh negara bukanlah terdiri daripada produk utama negara seperti bijih timah, getah, emas dan minyak, tetapi rakyatnya yang berpelajaran tinggi dan berilmu pengetahuan.”


~Allahyarham Aminuddin Baki

“Mengajar memancing lebih baik daripada memberi ikan kepada seseorang.”

~Pepatah Cina

“Sesungguhnya tidak ada suatuupun yang paling berharga di dunia kecuali kemerdekaan tanah air.”

~Saidina Ali



If a child lives with criticism
He learns to condemn
If a child lives with hostility
He learns to fight
If a child lives with fear
He learns to be a apprehensive
If child lives with pity
He learns to feel sorry for himself
If a child lives with ridicule
He learns to be shy
If a child lives with jealousy
He learns what envy is
If a child lives with shame
He learns to feel guilty
If a child lives with encouragement
He learns to be confident
If a child lives with tolerance
He learns to be patient

If a child lives with praise
He learn to be appreciative
If a child lives with acceptance

He learns to love

If a child lives with approval

He learns to like himself

If a child lives with recognition

He learns that is good it have a goal.

If a child lives with sharing

He learns about generosity

If child lives with honesty and fairness

He learns what truth and justice are

If a child lives with security

He learns to have faith in himself and in those

If child lives with friendliness

He learns that the world is a nice place in which to live

If you live with serenity

Your child will live with peace of mind

-Dorothy Law Nolte

“Tujuh orang yang dinaungi oleh Allah pada naungannya, pada hari yang tiada naungan, selain naungannya ialah;

Ketua yang adil

Pemuda yang sentiasa beribadat kepada Allah

Lelaki yang hatinya tersangkut di masjid

Dua orang lelaki yang berkasih-kasih di jalan Allah

Lelaki yang mengingati Allah di tempat sunyi lalu bergemanglah kedua-dua matanya dengan air mata. Lelaki yang dipanggil oleh wanita bangsawan dan cantik, lalu menjawab:

“Aku takut kepada Allah”

Lelaki yang bersedekah sesuatu lalu menyembunyikan sehingga tidak diketahui oleh tangan kirinya.”

-Maksud Hadis

“Team spirit atau semangat pasukan perlu ada jika sesuatu pasukan itu ingin mencapai kejayaan. Jika seseorang daripada ahli pasukan mempunyai cita-cita atau ambition yang tersendiri dan membelakangkan pasukan, maka alamatnya ialah pasukan itu akan gagal.”

-Dato' Seri Mahathir Mohamad

“Rakyat akan sentiasa berjalan di atas jalan yang benar selama pemimpin-pemimpin dan ketua-ketua memperlihatkan dirinya berbuat demikian.”

~Umar Al Khatab

“Doing what you are afraid to do. There can be no courage unless you're afraid.”

~Edward V. Rickenbacker

“To live is to change and to be perfect is to have change often.”

~John Henry Newman

“Kita menjadi seperti yang kita selalu kita lakukan, maka kecemerlangan bukanlah suatu tindakan tetapi suatu tabiat.”

~Aristotle

“Empat perkara amanat budiman; menjauhkan cakap kosong, menjauhi tangan dari mengganggu, cepat memberi penghargaan dan lambat menjatuhkan tuduhan.”

~Hamka

“Kasih adalah kekayaan hidup yang akan menjadi semakin banyak apabila dibahagikan kepada orang lain.”

~Anonymous

“Barang siapa banyak perkataannya, nescaya banyak bohongnya. Barang siapa yang banyak hartanya nescaya banyak dosanya. Barang siapa buruk akhlaknya nescaya ia akan menyiksa dirinya.”

-Hasan al-Basri

“Orang yang gagal dalam usahanya, masih tetap lebih melebihi daripada orang yang sekali pun tidak mau mencoba.”

-Douglas James

“Kemenangan dalam kemuliaan itu tidak akan berhasil kecuali dengan ilmu dan amal.”

-Imam Al-Ghazali

“Keamanan negara amat penting bagi semua rakyat untuk hidup tanpa masalah.”

-Dr Mahathir Mohamad

“Our wisdom comes from our experience, and our experience comes from foolishness.”

-Sacha Guitry

“Seseorang boleh berjaya dalam apa saja asalkan dia mempunyai kesungguhan.”

-Andrew Carnegie

“Kegagalan bukan berarti jatuh. Ia berarti tetap di situ apabila anda sudah jatuh.”

~*Anonymous*

“Seseorang yang bermotivasi boleh memperbaiki sebuah komputer dalam masa dua jam, sedangkan mereka yang tidak bermotivasi memerlukan 10 jam untuk melakukannya.”

~*James Treybig*

“Apabila anda pergi memancing, anda memasang bukan umpan yang anda suka, tetapi apa yang ikan suka.”

~*Will Roger*

“In order to grow big, we must think big.”

~*Dato' Seri Dr. Mahathir*

“Sesungguhnya orang-orang yang bersabar sahajalah yang akan disempurnakan pahala mereka dengan tidak terkira.”

~*Az Zumar 10.*

“Sesungguhnya belanja yang engkau berikan semata-mata kerana Allah nescaya engkau diberi pahala keranaya, bahkan setiap yang telah engkau berikan untuk makan isterimu, akan dibalas oleh Allah.’

-Maksud Hadis

“Orang Islam yang sebenar itu ialah orang yang menyelamatkan orang Islam lainnya daripada gangguan lidah dan tangannya.”

-Maksud Hadis

“Masyarakat sentiasa berubah, begitu juga cara pemikiran anggotanya. Jika kita masih mengamalkan cara yang lama untuk berbuat sesuatu, kita akan terus ketinggalan. Oleh itu kita mestilah sentiasa memikirkan bidang yang kita ceburi. Kemudian barulah kita mengorak langkah kejayaan.”

-Tan Sri Konosuke Matsushita

“Sebaik sahaja anda sedar akan kelemahan diri anda, jangan berlengah lagi untuk memperbaikinya.”

-Pearl & Buck 1982

“No one plans to fail, but many fail to plan. A plan is a dream with a deadline.”

-Anonymous

“Orang besar memperlihatkan kebesarannya dengan cara ia mengasuh orang bawahannya.”

-Carlyle Thomas

“Persahabatan kepadaku mempunyai tiga perkara:

Apabila ia mendekati, nescaya aku sambut kedatangannya.

Apabila ia berbicara, nescaya aku mendengar perbicaraannya.

Apabila ia duduk, nescaya aku luaskan tempat baginya.”

-Said Bin Al-Ash

“Habiskan waktumu untuk temanmu, sesudah ia mempunyai tiga perkara;

Apabila mereka sakit, maka kunjungilah

Apabila mereka banyak pekerjaan, maka bantulah

Apabila mereka lupa, peringatkanlah.”

-Atha

“Hidup kamu seperti pohon kayu yang lebat buahnya dan tumbuh di tepi jalan. Walaupun dilempar dengan batu tetapi dibalasnya dengan buah.”

-Syibbu Bin Abu Bakar

“Orang yang berakal selalu mentafsir harga dirinya.”

-Hamka

“Sesungguhnya termasuk pengkhianatan, apabila engkau membicarakan rahsia rakan engkau.”

-Hasan Al-Basri

“Orang yang berhenti bekerja tidak pernah menang, pemenang tidak pernah berhenti kerja.”

-Prof Hisham Al-Tahb

“Orang yang berfikiran besar memperkatakan ilmu,
Orang yang berfikiran sederhana memperkatakan peristiwa,
Orang yang berfikiran rendah memperkatakan manusia,
Orang yang perfikiran cetek memperkatakan diri mereka.”

-Prof Hisham Al-Tahb

“Anak panah kalau tidak meninggalkan busurnya tidak akan mengenai sasarannya.”

-Imam Shafie

“Hati yang besar sukar sekali dikuasai oleh rasa kejam, bahkan sentiasa lebih cenderung kepada suka memberi maaf dan mengasihani, daripada dipengaruhi rasa dendam dan dengki.”

-Imam Al-Ghazali

